

Utusan Malaysia / Dlm Negeri / Pg A / Jumaat / 19.1.07 JUMAAT 19 JANUARI 2007



DEKAN Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Kuktem, Profesor Dr. Rosli Abu Bakar (kiri) bersama seorang pembantu mengukur ketinggian Muhd. Zull Hanif Abd. Halim yang bakal menerima sebuah kerusi separuh automatik yang direka khas untuk kegunaannya di Kuantan, semalam.

Sekolah potong kaki meja, kerusi

Oleh AIZAWATI AHMAD

Dengan kerusi khas itu kelak, dia boleh mengikuti proses pembelajaran dengan duduk bersebelahan bersama rakan-rakan

MAHMAD REDZUAN ZAINABIDIN
Guru Besar SK Sinar Mutiara

PEKAN 18 Jan. - Demi kesejahteraan murid kenit, Muhd. Zull Hanif Abd. Halim, pengurusan Sekolah Kebangsaan (SK) Sinar Mutiara di Sungai Miang dekat sini memotong kaki kerusi dan meja sedia ada, bagi menggantikan meja dan kerusi pra-sekolah yang digunakan murid itu sebelum ini.

Zull Hanif, murid tahun satu yang ditempatkan di bahagian hadapan kelas, kelihatan selesa menggunakan kerusi dan meja baru itu, malah semangatnya untuk belajar sebagaimana murid lain semakin membara.

Guru-guru menyifatkannya aktif dalam bilik darjah, namun sifat pemalu dan pendiam, membataskan komunikasinya dengan orang lain yang berminat dengan ketinggiannya setakat 72 sentimeter atau 2 kaki 6 inci dengan berat badan 7.5 kilogram.

Dia gembira ketika diberitahu mengenai kerusi separuh automatik yang bakal dihadiahkan oleh Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) tidak lama lagi.

Namun, apabila cuba diajak berbal lebih lanjut mengenainya, Zull Hanif lebih senang mendiamkan diri dan hanya memerhati situasi yang berlaku di sekelilingnya.

Semalam Rektor Kuktem, Profesor Datuk Dr. Mohammad Said Mat Lela mengumumkan bahawa kolej universiti itu akan merekapi sebuah kerusi separuh automatik bagi me-

mudahkan Zull Hanif menjalani proses pembelajaran seperti kanak-kanak lain.

Bagi memastikan ia sesuai digunakan, sekumpulan kakitangan Kuktem yang dipertanggungjawabkan untuk merekapi kerusi itu telah berkunjung ke SK Sinar Mutiara hari ini bagi mendapatkan ukuran saiz sebenar Zull Hanif.

Dr. Mohammad Said yakin kanak-kanak itu bakal cemerlang dalam pelajaran jika diberi sepenuh perhatian kerana perwatakannya cerdik.

"Cuma pada peringkat awal ini, dia masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan rakan sekelasnya yang lain," ujarnya.

Jelas beliau, pihaknya juga bercadang untuk membawa Zull Hanif dan rakan-rakannya yang lain ke kampus Kuktem di Gambang, Kuantan bagi mendedahkan mereka dengan suasana pembelajaran di universiti.

Sempena kunjungan tersebut, Dr. Mohammad Said turut mengumumkan hasrat Kuktem untuk menjadikan SK Sinar Mutiara sebagai sekolah angkat.

"Lokasi sekolah ini berhampiran kampus utama Kuktem di Kuala Pahang yang dijangka siap pada 2009," katanya.

Guru Besar SK Sinar Mutiara, Mahmad Redzuan Zainabidin pula berkata, pihaknya berbesar hati dengan kesediaan Kuktem untuk merekapi sebuah kerusi khas untuk Zull Hanif.

"Dengan kerusi khas itu kelak, dia boleh mengikuti proses pembelajaran dengan duduk bersebelahan bersama rakan-rakan," katanya.

Bapa Zull Hanif, Abd. Halim Sulaiman, 30, turut melahirkan rasa terima kasihnya kepada Kuktem kerana prihatin terhadap masa depan anaknya itu.

Beliau sentiasa mengharapkan yang terbaik buat Zull Hanif agar dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia turut meluangkan masa melawat Zull Hanif di sekolahnya di ketuainya Presidennya, Jasmi Shafie.

Menurutnya, kedatangan mereka dari Kuala Lumpur hari ini kerana tertarik setelah terbaca laporan berita mengenai Zull Hanif yang disiarkan *Utusan Malaysia* pada 4 Januari lalu.

"Kami berharap kunjungan ini akan dapat membuka mata kanak-kanak tersebut bahawa ada insan lain di muka bumi ini yang bersaiz kecil seperti dirinya," katanya.